

Sumbangan tutor program tuisyen CDAC diiktiraf

►NUR FADHILAH SALLEH

nfsalleh@sph.com.sg

BELIAU berpegang kepada pendirian bahawa pendidikan penting dalam membina masa depan yang cerah.

Oleh itu, Encik Nasri Najib tidak teragak-agak mengimbangi masa antara tugas sepenuh masa sebagai konsultan teknikal di sebuah syarikat teknologi kewangan swasta, Murex, dengan tugas sebagai seorang tutor bagi Program Tuisyen Majlis Bantuan Pembangunan Masyarakat Cina (CDAC).

Baru-baru ini, Encik Nasri menerima dua anugerah sebagai mengiktiraf sumbangannya – Anugerah Willow dan anugerah bakti setia lima tahun.

Anugerah Willow diberikan kepada tutor yang telah mengorak langkah dalam menyokong pelajar tuisyen mereka.

Beliau mengajar bahasa Inggeris selama satu setengah jam sekitar tiga atau empat kali seminggu pada sebelah malam.

“Saya menggunakan pelbagai kaedah pengajaran di bilik darjah.

“Sebagai contoh, saya menggunakan kisah-kisah selebriti atau ba-

Tuition Programme Awards P



SUMBANGAN DIIKTIRAF: Mayor Daerah South West yang juga Setiausaha Parlimen (Kebudayaan, Masyarakat dan Belia dan Pembangunan Sosial dan Keluarga), Cik Low Yen Ling, menyampaikan Anugerah Willow dan anugerah bakti setia kepada Encik Nasri Najib baru-baru ini. – Foto CDAC

bak filem terkini bagi menjelaskan kepada mereka makna frasa atau peribahasa.

“Saya turut dapat berbahasa Mandarin dan menggunakaninya dalam penjelasan kepada pelajar,” ujar Encik Nasri, 33 tahun.

Beliau belajar bahasa Mandarin dari sekolah rendah hingga ke peperiksaan GCE peringkat ‘A’.

“Selama 12 tahun saya mengikuti kelas bahasa Mandarin. Kawan-kawan Cina saya banyak membantu dalam latihan bahasa.

“Memandangkan saya bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris di rumah, interaksi harian dan penggunaan bahasa Mandarin bersama kawan-kawan penting dalam usaha saya mengasah kemahiran bertutur dalam bahasa Mandarin.

“Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk menyumbang semula kepada masyarakat melalui pendidikan,” jelas anak sulung tiga beradik itu.

Selain mengimbangi masa antara kerjaya dengan tugas sebagai seorang tutor, beliau turut membahagikan masa bersama keluarganya.

“Isteri saya memahami jadual ketat saya dan menyokong usaha saya menyumbang kembali kepada masyarakat,” kata bapa seorang bayi lelaki itu.

Isterinya seorang jururawat kanan.

Sebelum itu beliau pernah menyertai Skim Tuisyen Mendaki (MTS) sebagai tutor.

Beliau berhenti mengajar kerana mengikuti program sarjana NUS-ISS dalam Teknologi. Tahun lalu, Encik Nasri menggunakan kepalannya dalam bidang teknologi dengan mengajar bengkel Android 101 anjuran Kelab Mendaki.